


3

PEMBENTUKAN KONSEP KENDIRI

PENGENALAN

H.W.Marsh dan R.J.Shavelson (1985) telah mendapati bahawa pelajar-pelajar mempunyai beberapa konsep sendiri yang berbeza-beza tetapi saling berkaitan. Konsep sendiri mereka terbentuk oleh konsep-konsep sendiri lain yang lebih spesifik. Secara keseluruhannya konsep sendiri dapat dibahagi kepada 3 bahagian dalam bidang yang berbeza iaitu : Inggeris, Matematik, dan non-akademik (akhir-akhir ini kajian menunjukkan bahawa kebolehan dalam bidang seni juga berpengaruh).

3 Struktur Konsep Kendiri



Rajah 6 Struktur Konsep Kendiri

Konsep sendiri pada aras yang kedua terbentuk dari konsep-konsep sendiri yang lebih spesifik, seperti kebolehan fizik, sendiri fizikal, perhubungan dengan kawan-kawan sebaya dan ibu bapa. Konsep-konsep tersebut adalah berdasarkan pengalaman dan perkara-perkara yang pernah dialami oleh seseorang, misalnya menang dalam pertandingan sukan, persahabatan, sumbangan kepada masyarakat dan lain-lain.

Pandangan Anita mempunyai persamaan dengan Tennessee yang membahagikan konsep sendiri berdasarkan sebuah skala yang merangkumi 8 bidang, iaitu: sendiri fizikal, moral etika, peribadi, keluarga, hubungan sosial, identiti, kepuasan diri dan tingkah laku.

PENGHARGAAN KENDIRI

Ia merupakan penilaian tentang diri sendiri. Penilaian yang rendah berlaku apabila sendiri sebenar rendah daripada sendiri ideal. Apabila sendiri sebenar sesuai atau secocok dengan sendiri ideal, penilaian atau penghargaan sendiri akan meningkat naik.

1 Komponen Konsep Kendiri

Menurut Krech, Crutchfield dan Ballachey dalam buku mereka yang bertajuk *The Individual in Society* (1962) menyatakan terdapat 3 komponen utama dalam konsep sendiri seseorang iaitu :

Pengaruh Konsep Kendiri Terhadap Tingkah laku Manusia

Konsep sendiri telah diperkenalkan oleh William James (Deaux & Wrightsman, 1988). konsep sendiri ini dilihat dari perspektif yang luas dan meliputi tubuh badan, pemikiran, pakaian, tempat tinggal, isteri, anak-anak, kawan-kawan, nenek moyang, reputasi, taraf pendidikan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan diri sendiri. Ia merupakan identiti diri dan ia mempengaruhi tingkah laku diri seseorang. Dalam bahagian ini, akan membincangkan pengaruh konsep sendiri terhadap beberapa tingkah laku manusia iaitu:-

PERBEZAAN INDIVIDU DALAM PERSEMBAHAN KENDIRI

Setiap individu mempunyai satu persembahan sendiri yang berbeza, antaranya adalah mereka yang suka merokok untuk menunjukkan gaya kendirinya, berlagak dan besar hati untuk mendapat perhatian orang ramai. Kadang-kala juga terdapat mereka yang malu, segan dan cara-cara lain yang cuba menyembunyikan perasaan dan konsep sendiri mereka. Ada juga yang suka senyum semasa berhadapan dengan orang lain. Antara cara-cara persembahan sendiri dapat menunjukkan individu-individu yang berbeza ialah:

1 Konsep sendiri : Merokok di kalangan remaja

Remaja yang merokok mempunyai konsep sendiri yang mengandungi elemen-elemen yang berbeza jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar lelaki yang tidak merokok (McKennell and Bynner, 1969). Elemen-elemen konsep sendiri yang berbeza adalah sikap terhadap kekuatan, kematangan (precocity) dan kejayaan dalam akademik.

Remaja yang merokok melihat dirinya sebagai seorang yang kuat manakala melihat pelajar-pelajar lelaki yang tidak merokok adalah tidak matang dan kurang kuat. Ada sesetengah lelaki merokok kerana mereka menganggap bahawa merokok merupakan satu tingkah laku yang menunjukkan kekuatan. Pada halnya konsep mereka adalah salah.

Menunjukkan kematangan juga salah satu sebab yang mendorong remaja lelaki merokok kerana mereka menganggap bahawa lelaki yang merokok adalah lelaki yang matang yang dapat menarik perhatian daripada wanita. Remaja lelaki yang merokok tidak menganggap pencapaian dalam akademik yang tinggi sebagai satu kejayaan manakala pelajar yang tidak merokok menganggapnya sebagai satu yang membanggakan.

JENIS-JENIS KONSEP KENDIRI

Konsep sendiri dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu konsep sendiri positif dan konsep sendiri negatif. Berikut akan dibincangkan dengan lebih lanjut mengenai kedua-dua konsep sendiri tersebut.

1. Konsep Kendiri Positif

Jika kita perhatikan seseorang yang sering di kaitkan dengan kejayaan dalam hidup ialah mereka yang dapat membina konsep sendiri yang positif. Mereka yang mempunyai konsep sendiri yang

positif ini sentiasa menerima layanan dan perhatian yang baik sama ada daripada ibu bapa sendiri, keluarga, guru, rakan-rakan mahupun orang yang berada di persekitarannya. Individu ini akan sentiasa mengalami lebih banyak kejayaan berbanding dengan kegagalan. Individu ini juga sering berasa gembira, berkeyakinan dan mempunyai kepercayaan yang penuh terhadap dirinya sendiri untuk melakukan sesuatu. Individu ini juga tidak mudah melatah atau mengalah dan sanggup menghadapi sebarang cabaran dan dugaan dan sekiranya berlakunya kegagalan, akan di terimanya dengan tenang dan tabah. Selain itu individu ini bersifat optimistik, lebih terbuka sikapnya serta sedia menerima pendapat dan kritikan orang lain. Dia juga bersifat lebih relax, mudah berinteraksi dengan orang lain serta senang didampingi. Individu ini sentiasa tenang dan stabil serta seimbang dari segi emosi.

LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENCAPAI KONSEP KENDIRI YANG POSITIF

Salah satu punca yang menyebabkan seseorang bertingkah laku negatif ialah tidak mempunyai konsep diri yang positif. Oleh itu, konsep diri yang positif perlu dipupuk demi menghasilkan afektif, kognitif dan tingkah laku yang positif. Berikut merupakan 9 langkah untuk mencapai konsep diri yang positif.

3.7 RUMUSAN

Konsep diri adalah dinamik dan sentiasa berubah-ubah. Konsep diri bergantung kepada interaksi sosial seseorang yang mempengaruhi persekitaran. Dalam hal ini semakin banyak seseorang bergaul, pengalamannya juga bertambah. Rogers (1951) telah menyatakan bahawa manusia itu memang mempunyai potensi untuk menuju ke arah kesempurnaan diri dengan syarat seseorang itu harus mempunyai keyakinan terhadap dirinya. Dengan ini adalah penting untuk seseorang memiliki konsep diri yang baik yang akan membantunya menuju ke arah kesempurnaan diri bagi menjamin kehidupan yang lebih bermakna. Usaha meningkatkan konsep diri perlu terus dijalankan agar pelajar dapat menempuh masa depan dengan penuh cemerlang.

